

UMS anjur program 'Exploring Toxicology 2.0' di SK Pekan Kuala Penyu

Utusan Borneo (Sabah) · 6 Dec 2024

KOTA KINABALU: One Health Student Club (OSHC) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan program pendedahan konsep toksikologi dalam kehidupan kepada murid Sekolah Kebangsaan (SK) Pekan Kuala Penyu, baru-baru ini.

Program dengan tema 'Exploring Toxicology 2.0: Navigating Health and Environment' merupakan usaha bersama Malaysia Society of Toxicology (MySOT), Pusat U-Science UMS dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (KSTI) Sabah.

Majlis penutupan program tersebut disempurnakan oleh Pegawai Pejabat Pendidikan Kuala Penyu, Dr. Suntik Tuin.

Menurut Suntik, penganjuran program tersebut diharap dapat meningkatkan kesedaran murid sekolah tentang kepentingan memahami bahan toksik dan kesannya terhadap kesihatan serta alam sekitar.

"Program seperti ini sangat bermakna dan diharapkan dapat diteruskan pada masa hadapan untuk manfaat terutamanya kepada komuniti luar bandar.

"Kita juga berharap agar ilmu yang disampaikan pada program ini akan terus dapat dikongsi dalam kalangan murid dan rakan-rakan mereka," katanya.

Sementara itu, Presiden MySOT, Dr. Rozaini Abdullah menekankan 'Exploring Toxicology 2.0' merupakan satu langkah signifikan ke arah menyediakan pendidikan berkualiti kepada pelajar, selaras dengan matlamat pembangunan lestari (SDG).

Beliau menambah bahawa memahami risiko bahan kimia sejak awal adalah kunci membentuk masyarakat lebih bertanggungjawab terhadap kesihatan dan alam sekitar.

"Salah satu pencapaian utama program ini ialah pelancaran Modul Toksikologi Outreach, yang juga telah menerima pengiktirafan hak cipta.

"Pengiktirafan ini mengukuhkan komitmen MySOT untuk menyediakan bahan pendidikan yang inovatif dan mudah diakses, bukan sahaja di peringkat tempatan tetapi juga berpotensi ke peringkat antarabangsa," katanya.

Muhammad Khairyll Karl Ell Runzee @ Syamree, pelajar SK Pekan Kuala Penyu mengakui gembira kerana mendapat manfaat daripada program tersebut.

"Saya gembira dan seronok hari ini, kami belajar banyak perkara berkaitan apa itu toksikologi, bagaimana cara yang betul dalam mengendalikan bahan kimia, cara mengenali simbol GHS di produk yang mengandungi kimia dan banyak lagi aktiviti yang seronok," katanya.

Turut hadir Timbalan Presiden MySOT, Profesor Madya Ts. Dr. Razinah Sharif; Guru Besar SK Pekan Kuala Penyu, Mahadi dan Ismail; wakil KSTI, Siti Zubaidah Dassim dan Penasihat OSHC, Dr. Zulkhairul Naim Sidek Ahmad.